

PERHUBUNGAN INTER ETNIK DALAM MASYARAKAT ADAT*

OLEH
BAHARON AZHAR BIN RAFFIET**

PENDAHULUAN

Di Negeri Sembilan terdapat lebih kurang 3,000 orang-orang Asli yang dikenal dengan nama Temuan. Di dalam hidup harian, orang-orang Temuan berpandu kepada adat yang disetengah-setengah kawasan digelar sebagai **Adat Benar**. Adalah didapati bahawa adat orang-orang Temuan di Negeri Sembilan mempunyai ciri-ciri yang membuktikan bahawa dari segi ideologi adalah *matrilineal*.

Dari segi sejarah sukar kita hendak memastikan tentang asal usul adat Temuan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun jelas sekali bahawa pertalian dan asal usul adat Temuan adalah rapat dengan adat perpatih di Negeri Sembilan.

Mengikut salah satu daripada salasilah Temuan, adat mereka ini adalah berpunca daripada seorang nenek moyang yang dinamakan Batin Pah Galang. Batin pertama ini adalah yang tertua daripada lima beradik yang kononnya datang dari Pulau Perca (Sumatera?) dan menjelajah ke kawasan-kawasan Semenanjung. Batin Pah Galang meneroka kawasan pedalaman manakala adek-adeknya tinggal di kawasan baruh untuk menjadi Raja. Mengikut salasilah ini orang-orang Temuan di Negeri Sembilan percaya bahawa mereka adalah serumpun dengan orang-orang di luar ataupun di baruh. Pada masa ini di dalam upacara adat dan di dalam bahasa halus orang-orang Melayu di panggil dengan nama **Waris di Luar** dan Orang-orang Asli atau Orang-orang Temuan iaitu mereka-mereka yang di kawasan pedalaman

dikenali dengan panggilan **Waris di Dalam**.

OBJEKTIF

Objektif kertas kerja ini ialah menyentuh dengan secara ringkas pertalian/perhubungan di antara orang-orang Temuan (Waris di Dalam) dan orang-orang Melayu (Waris di Luar) yang berasas kepada adat masing-masing yang mempunyai ideologi matrilineal, dan juga perhubungan/pertalian harian Temuan: Melayu baikpun dari segi sosial, ekonomi atau sebagainya.

PERTALIAN IDEOLOGI ADAT

Mengikut salasilah Temuan Batin Pah Galang berlima beradek di zaman silam dulu telah membuka beberapa kawasan yang terdapat di Negeri Sembilan sekarang. Kononnya di satu ketika mereka ini telah berpisah, adik-adik yang muda telah bersetuju untuk turun ke baruh menjadi raja dan pemerintahan di sana sementara yang tua, Pah Galang tinggal menjadi Batin di kawasan pendalaman. Walau bagaimanapun mengikut salasilah ini sebelum mereka berpisah Pah Galang telah berkata demikian,

"Kutu dibelah, orang dibagi,
Tali nyap putus, liang nyap tembus,
Arang nyap patah, genting nyap putus,
Berjinjang ke hutan, bertali keluar
Berjinjang keluar, bertali ke hutan,
Sesak di luar, berlari ke hutan
Sesak di hutan, berlari keluar".

Kata-kata ini jelas membuktikan bahawa dari segi kepercayaan orang-orang Temuan (Waris di Dalam) percaya bahawa pertalian mereka dengan orang-orang Melayu (Waris di Luar) tidak akan putus dan sepatutnya tidak putus dan malahan patut diperkokohkan.

Adalah dipercayai bahawa di kawasan yang sekarang ini dikenali Negeri Sembilan, peneroka-peneroka awalan dari Minangkabau telah berkahwin dengan penduduk-penduduk tempatan iaitu orang-orang di pendalaman. Pertalian nenek-moyang ini merupakan asas kepada adat perlantikan dan seterusnya pertabalan Batin (bagi orang Temuan/Waris di Dalam) dan Undang (bagi orang Melayu/Waris di Luar) di Kelapi, Cheloh, dan Langkap, iaitu di dalam Luak Johol, Sungai Ujong dan Muar/Ulu Muar. Di ketiga-tiga kampung, dan Luak ini peranan kedua-dua pihak iaitu Batin dan Undang adalah penting untuk pengesahan perlantikan/pertabalan masing-masing.

Di dalam organisasi dan struktur adat dan masyarakat Temuan ada juga terdapat konsep perut. Konsep ini merupakan prinsip organisasi bagi pertalian kekeluargaan, nikah/kahwin dan pembahagian/penerimaan dan hak harta pusaka yang seboleh-bolehnya hendaklah berpandu kepada nasab ibu (matrilineal).

Ini jelas menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya dari segi pertalian/perhubungan simbolik orang-orang Temuan dan Melayu adalah di dalam lengkongan atau "dunia" adat yang sama.

Ini juga menunjukkan bahawa perhubungan/pertalian Temuan (orang Asli) dengan Melayu semenjak dahulu kala lagi adalah baik dan harmonis, tidak seperti apa yang biasanya digambarkan - iaitu bermusuhan dan tindas-menindas - oleh penulis-penulis/penyelidik-penyelidik barat.

PERHUBUNGAN/PERTALIAN HARIAN

Perhubungan/pertalian Temuan dan Melayu di Negeri Sembilan tidaklah terhad kepada yang simbolik/tradisional sahaja. Semenjak merdeka banyak perubahan telah berlaku sama ada ekoran daripada usaha-usaha persendirian atau kerajaan dan ini sedikit sebanyak telah menambahkan mobiliti sosial dan fizikal orang-orang Asli. Dari segi hidup hari-hari kunjung mengunjung di antara sebilangan orang-orang Temuan dan Melayu bukanlah perkara luar biasa. Banyak juga orang-orang Temuan yang mengikut jiran-jiran Melayu merayakan akhir Ramadan walaupun mereka belum lagi beragama Islam. Di antara perhubungan/pertalian Melayu dan Temuan yang agak menarik di masa ini ialah di dalam politik: banyak orang Temuan telah mengikuti jiran-jiran Melayu mereka memasuki parti UMNO, umpamanya.

Di dalam mana jua perhubungan etnik ada juga terdapat aspek yang kurang manis. Masih juga terdapat segelintir orang Melayu yang memandang rendah terhadap orang-orang Asli di Negeri Sembilan khasnya terdapat perkataan *rayat* (yang maknanya lebih kurang sama menghina seperti *sakai*) di kalangan masyarakat Melayu. Di kalangan masyarakat Temuan pula terdapat perkataan *jobo'* (maknanya kurang manis sekali,) yang digunakan terhadap orang-orang Melayu.

RUMUSAN

Semangat dan fahaman yang terdapat di dalam kata-kata adat yang mengagungkan perhubungan dan pertalian yang harmonis dan bermuafakat di antara Temuan (Waris di Dalam) dan Melayu (Waris di Luar) patutlah diteruskan sebagai panduan dan latarbelakang di dalam semua usaha masyarakat setempat. Objektif dasar integrasi kerajaan, iaitu menyatupadukan orang Asli dengan Melayu lebih senang tercapai apabila pertalian-pertalian

tradisional seperti di Negeri Sembilan ini didaya-gunakan dengan waras dan sepenuhnya oleh semua pihak.

NOTA KAKI

- * Kertas kerja ini merupakan abstract daripada beberapa bab daripada "Parit Gong : An Orang Asli Community in Transition" tesis Ph.D. Baharon Azhar bin Raffie'i, King's College, Cambridge, England 1974. Penyelidikan untuk tesis ini telah dijalankan dalam tahun-tahun 1971-72 dan sedikit sebanyak di dalam tahun-tahun awal lagi. Perbincangan yang lebih lanjut boleh didapati di dalam Bab-bab I-VIII dan XVII dan XVIII.
- ** Penulis adalah Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kuala Lumpur, Malaysia.